

Geo pelancongan jana peluang kerja

UB 21.7.2017 A2

► Cipta pendapatan komuniti BIMP-EAGA

Oleh SADDAM EDRIS

KOTA KINABALU: Pertumbuhan geo pelancongan mampu menghasilkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan selain mencipta pendapatan baharu kepada komuniti di kawasan pertumbuhan Asean Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA).

Pakar Geologi Universiti Malaysia Sabah (UMS) Profesor Felix Tongkul berkata kunci untuk mendapatkan manfaat daripada pendekatan

pelancongan lestari itu adalah dengan mengenalpasti produk geologi tempatan yang sedia ada.

"Ekopelancongan baharu ini mampu menawarkan pelbagai manfaat kepada komuniti BIMP-EAGA untuk terus berkembang pesat melalui arus pelancongan perdana.

"Setelah mengenal pasti produk, ia memerlukan sokongan daripada masyarakat tempatan untuk membangunkan kawasan mereka menjadi produk pelancongan kemudian memperkenalkan mengenai pemasaran pintar," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika membentangkan kertas kerja bertajuk GeoPelancongan dan Pembangunan Mampan pada Sidang Kemuncak Pendidikan Tinggi BIMP-EAGA 2017, di sini pada Khamis.

Jelas Felix pembangunan eko pelancongan juga dilihat amat bersesuaian untuk ditingkatkan memandangkan ianya menyasarkan kepada aspek sensitiviti alam sekitar, kesejahteraan komuniti dan manfaat terhadap ekonomi setempat.

Katanya lagi ia juga mudah diperaktikkan sama ada di kawasan semula jadi, bandar maupun kawasan



FELIX

persekitaran geologi seperti di kawasan warisan dunia Gunung Kinabalu, Roadsides Cutting Miri di Sarawak, dan



PESERTA Sidang Kemuncak Pendidikan Tinggi BIMP-EAGA 2017.

Taman Geo di Langkawi.

Meskipun begitu katanya pembangunan geo pelancongan memerlukan perancangan dan pengurusan yang tepat bagi menerapkan nilai tanggungjawab terhadap alam sekitar.

"Langkah ini seterusnya akan menggalakkan pemahaman mengenai pelancongan yang mana memerlukan pengetahuan geosainsifik untuk disampaikan kepada orang awam.

"Ini dicapai melalui geosit, muzium, pusat maklumat, lawatan, kesusteraan, peta bahan pendidikan selain

mengadakan seminar kajian ekopelancongan, penyelidikan saintifik geologi dan lanskap," jelasnya.

Dalam pada itu beliau berkata usaha memberi galakkan melaksanakan geo pelancongan akan memulihara ciri-ciri geologi yang penting seterusnya memperlihatkan kaedah terbaik dalam menjaga alam sekitar.

Katanya ia juga menjelaskan bahawa masih ada ciri geologi atau bentuk bumi tertentu yang tidak boleh dibangunkan sebagai produk pelancongan sebabkan nilai tinggi semula jadi yang ada.

Terdahulu pada sidang kemuncak hari kedua itu juga melibatkan pembentang kertas kerja dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS Profesor Dr Ahmad Faris Abdullah, Pengurus BIMP-EAGA SCE Cluster Filipina Dr Gaspar S. Gayona dan Penasihat Setiausaha Agung World Tourism Organization (UNWTO) Luigi Cabrina.

Sidang kemuncak anjuran UMS itu menjadi saluran bagi institusi pendidikan serantau membincangkan potensi kerjasama dan peluang rangkaian bagi manfaat bersama.